

# Negara perlu ramai pekerja berkualiti untuk realisasi Wawasan 2020

BH  
20/1/18

**P**ADA era globalisasi yang semakin kompetitif sekarang, hanya modal insan berkualiti dapat memajukan ekonomi negara. Oleh itu, pekerja yang berkemahiran tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Pelbagai bidang seperti bidang pembinaan, industri elektrik dan perkhidmatan restoran memerlukan pekerja mahir dan separuh mahir untuk menghasilkan produk

yang berkualiti serta membekalkan perkhidmatan bermutu.

Oleh itu, Pertandingan Kemahiran Asean ketujuh (ASC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini, dapat memberi peluang kepada pelajar teknikal daripada negara Asean untuk menimba pengalaman berharga dan berinteraksi sesama mereka.

197 peserta menyertai pertandingan kemahiran dalam 19 bidang dan menerusinya

mereka meningkatkan kemahiran dan menjadi pekerja berkemahiran tinggi pada masa akan datang.

Sebenarnya, negara memerlukan jumlah pekerja berkualiti yang besar untuk merealisasikan Wawasan 2020. Sebagai contoh, restoran bertaraf antarabangsa memerlukan sebilangan pekerja restoran berkualiti.

Jika perkhidmatan restoran kita baik, pelancong

asing akan berkunjung ke negara ini, begitu juga sebaliknya. Perkhidmatan sama ada baik atau buruk akan memberi imej pertama kepada pelancong yang melawat negara kita.

Jangan kita lupa bahawa pekerja inilah yang menyumbang tenaga kepada kemakmuran ekonomi negara.

**CIKGU KL,**  
Seremban,  
Negeri Sembilan.